



KOD ETIKA AHLI AKADEMIK UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tarikh kuat kuasa : 3 April 2016
(Minit Senat Kali ke-86)

Seksyen Pelantikan Akademik
Bahagian Perjawatan
Pejabat Pendaftar

KANDUNGAN

	Muka Surat
FALSAFAH UMT	
VISI	
MISI	2
BIDANG TUJAHAN	
SLOGAN	
1.0 PENGENALAN	3
2.0 PEMAKAIAN	4
3.0 PRINSIP NILAI	4-7
4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB	7-13
5.0 PEMATUHAN ETIKA	14-19
6.0 AKIBAT KETIDAKPATUHAN	19
7.0 PENGUATKUASAAN	20

FALSAFAH UMT

Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan **keimanan** kepada Allah adalah tonggak kepada Universiti menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat

VISI

Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global

MISI

Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam

BIDANG TUJAHAN

Ilmu kelautan dan sumber akuatik

SLOGAN

Terokaan seluas lautan demi kelestarian sejagat

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Dalam merentasi era globalisasi yang semakin pesat dan ke hadapan, UMT telah membahagikan peranan ahli akademiknya kepada tigaⁱ iaitu:
 - (a) peranan asas;
 - (b) peranan utama; dan
 - (c) peranan baharu (*emerging roles*).
- 1.2 Peranan asas ialah peranan sendiri untuk memantapkan keupayaan intelek dan kepakaran disiplin ilmu melalui penyelidikan disiplin yang perlu dilakukan sepanjang masa, sama ada secara individu atau melalui penyeliaan penyelidikan pelajar. Bakat dan kepakaran perlu digilap berasaskan penyelidikan berterusan dan dibuktikan melalui penulisan ilmiah. Keupayaan dan kewibawaan seseorang ahli akademik diukur melalui sumbangan dan pencapaian akademik dalam bidang kepakaran masing-masing.
- 1.3 Peranan utama ialah berkaitan dengan pengajaran dan penyeliaan untuk menghasilkan graduan berilmu dan relevan untuk masyarakat. Dalam konteks ini ahli akademik juga perlu meningkatkan kemahiran sebagai pendidik, sebagai mentor dan menghasilkan bahan pengajaran yang asli. Pengajaran di peringkat universiti, bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi menyampaikan pemikiran asli yang dibangunkan berasaskan hasil penyelidikan kepakaran. Ahli akademik seharusnya mampu menyampaikan *state-of-the-arts* dalam bidang kepakaran masing-masing dan mencetuskan pemikiran yang kritis bagi melatih keupayaan intelek pelajar.
- 1.4 Peranan baharu merupakan peranan yang dituntut oleh pemegang taruh luar kampus (komuniti, agensi kerajaan dan swasta dan masyarakat sivil/madani). Ini meliputi peranan sebagai “intelek awam”, penasihat dasar dan teknikal kepada agensi kerajaan dan swasta dan menerajui Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I).
- 1.5 Ketiga-tiga peranan ini perlu dilaksanakan dengan sebaiknya oleh ahli akademik berasaskan etika kerja yang profesional dengan nilai-nilai murni yang disepakati. Oleh itu Kod Etika Ahli Akademik UMT digubal sebagai panduan kepada ahli akademik dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya kepada universiti.

2.0 PEMAKAIAN

- 2.1 Kod Etika Ahli Akademik UMT (“Kod Etika”) adalah merupakan garis panduan tatakelakuan dan amalan serta nilai-nilai kerja yang perlu dipatuhi oleh semua ahli akademik UMT untuk memantapkan kecemerlangan, menjamin kualiti perkhidmatan berterusan dan menjaga imej dan reputasi ahli akademik dan UMT.
- 2.2 Bagi maksud pemakaian Kod Etika ini, ahli akademik adalah bermaksud “guru” seperti mana yang ditafsirkan dalam Perlembagaan UMT (P.U(A)466/2010) iaitu:
- 2.2.1 *“guru” ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan ini, dan termasuklah profesor kanan, profesor, profesor madya, fellow, penolong profesor, “reader”, pensyarah kanan, pensyarah, penolong pensyarah, guru bahasa dan matrikulasi dan tutor.*
- 2.3 Kod Etika ini terpakai kepada semua ahli akademik UMT sama ada bertaraf sementara, kontrak atau tetap.

3.0 PRINSIP NILAI

- 3.1 Prinsip nilai dalam perkhidmatan akademik dilandaskan kepada lima (5) kerangka nilai teras UMT iaitu:
- (a) Ghairah Kepada Kebenaran
 - (b) Mengejar Kecemerlangan
 - (c) Pemerkasaan Kepimpinan Akademik
 - (d) Menghormati Kepelbagaian Keserakanan
 - (e) Menyemai Kecintaan Alam
- 3.2 Bagi memenuhi aspirasi dan pencapaian nilai teras UMT, ahli akademik hendaklah berpegang kepada lima (5) prinsip nilai yang berikut:

3.2.1 Integriti

Integriti boleh ditafsirkan sebagai kejujuran, ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan. Integriti merujuk kepada himpunan kualiti unggul yang perlu ada pada seseorang individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan moral yang tinggi.

Elemen dalam prinsip nilai integriti termasuklah:

- (i) melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan jujur dan amanah;
- (ii) menjaga kerahsiaan maklumat rasmi UMT pada sepanjang masa;
- (iii) menjaga harta dan kepentingan UMT pada sepanjang masa;
- (iv) mengutamakan kepentingan UMT melebihi kepentingan peribadi;
- (v) tidak terlibat dalam rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan atau penyalahgunaan lain;
- (vi) berlaku adil dan saksama kepada semua pihak; dan
- (vii) memaklumkan sebarang bentuk konflik kepentingan (conflict of interest).

3.2.2 Akauntabiliti

Akauntabiliti adalah nilai moral yang merujuk kepada kesediaan dan kesedaran individu menerima tanggungjawab dan bersedia dipersoalkan sejauh mana tanggungjawab yang diamanahkan itu telah dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Elemen dalam prinsip nilai akauntabiliti termasuklah:

- (i) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tindakan dan keputusan yang dibuat;
- (ii) memastikan tugas yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan;
- (iii) peka terhadap kualiti dan mempunyai *sense of urgency*;
- (iv) mengawalselia semua sumber yang terdapat di bawah jagaannya; dan
- (v) mematuhi arahan, prosedur, peraturan dan undang-undang yang ditetapkan dan terpakai dari semasa ke semasa.

3.2.3 Dedikasi

Dedikasi bermaksud kesungguhan dan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cekap, cepat, berkesan dan sempurna.

Elemen dalam prinsip nilai dedikasi termasuklah:

- (i) menyokong aspirasi dan hala tuju UMT dengan memberikan sumbangan yang diperlukan;
- (ii) bersedia untuk berkorban masa dan tenaga untuk memastikan tugas dan tanggungjawab terlaksana dengan sempurna;
- (iii) ikhlas, tekun, sabar, teliti dan positif dalam menerima dan menjalankan tugas dan tanggungjawab; dan
- (iv) sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan diri bagi menghasilkan produk yang berkualiti.

3.2.4 Berdisiplin

Berdisiplin ialah tatakelakuan yang mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh UMT pada sepanjang masa dan keadaan.

Elemen dalam prinsip nilai disiplin termasuklah:

- (i) mematuhi semua kaedah, peraturan, polisi, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan dan digunapakai oleh UMT dari semasa ke semasa;
- (ii) menjaga imej diri dan nama baik UMT; dan
- (iii) mengamalkan nilai-nilai murni, menjaga adab sopan dan memelihara maruah diri.

3.2.5 Bekerjasama

Bekerjasama adalah prinsip nilai yang menekankan kepada kepentingan keseragaman, hormat-menghormati, perpaduan, setiakawan dan semangat berpasukan.

Elemen dalam prinsip nilai kerjasama termasuklah:

- (i) mengamalkan sikap toleransi dan bantu-membantu dalam menjalankan tugas;
- (ii) menyisihkan sifat prejudis dalam persepsi negatif dalam hubungan pekerjaan dan pergaulan;
- (iii) berfikiran terbuka dan positif ketika memberi atau menerima nasihat atau kritikan; dan
- (iv) mengutamakan kecemerlangan UMT dalam semua bidang tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 Pengajaran

Pengajaran meliputi proses memahami, mengadaptasi, mengamalkan dan menyampaikan ilmu kepada pelajar. Ahli akademik yang merupakan tonggak kesarjanaan hendaklah menjalankan tugas dan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin bagi menghasilkan graduan yang benar-benar berilmu, berwibawa dan berkualiti.

- a) Mesti mematuhi peraturan akademik yang ditetapkan oleh Senat UMT, MQA dan KPT dari masa ke semasa.
- b) Mengajar berdasarkan silibus yang telah diluluskan oleh Senat UMT.
- c) Melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut kaedah, peraturan, polisi atau garis panduan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.
- d) Membuat penilaian secara adil.
- e) Mengamalkan etika kerahsiaan dalam pengurusan penilaian kursus.
- f) Mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pengerusi program, pusat pengajian, Jabatan Pengurusan Akademik dan UMT dari masa ke semasa.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab pengajaran, ahli akademik antara lain hendaklah:

- (a) mempamerkan tahap kesarjanaan dan kecekapan profesional yang tinggi dalam bidangnya;

- (b) memelihara integriti akademik dan memastikan standard akademik UMT tidak terjejas;
- (c) melakukan persediaan pengajaran yang rapi bagi menarik minat pelajar dengan menggunakan kaedah pengajaran yang mantap dan mengoptimalkan penggunaan teknologi terkini. Ahli akademik digalakkan untuk sentiasa melakukan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran;
- (d) mengemaskini bahan pengajaran sesuai dengan perkembangan dan pemikiran terkini dalam bidang yang diajar;
- (e) berinteraksi secara positif dengan pelajar serta bersedia membantu pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran mereka;
- (f) mematuhi prinsip nilai yang telah disepakati dan menjadi "*role model*" yang baik dan boleh menjadi inspirasi kepada pelajar;
- (g) menggunakan masa dengan cekap dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan berusaha untuk meningkatkan keupayaan diri dalam pengajaran.

4.2 **Penyeliaan**

Penyeliaan ialah proses pemantauan, pengawalan dan bimbingan akademik kepada pelajar semasa menjalankan penyelidikan, penulisan tesis, kerja kursus, projek akademik, latihan industri atau praktikum.

- a) Mematuhi prosedur dan peraturan seperti Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA), Latihan Industri (LI), Pengajian Siswazah dan sebagainya.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab penyeliaan ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) menjalankan proses penyeliaan secara profesional dan memastikan hubungan yang baik dengan pelajar;
- (b) memastikan pelajar yang diselia tidak mempunyai pertalian kekeluargaan, hubungan peribadi atau apa-apa kepentingan lain yang boleh menimbulkan syak wasangka ke atas kredibiliti dan integriti ahli akademik;
- (c) mempunyai pengetahuan mengenai prosedur dan peraturan yang berkaitan dengan program atau kerja kursus yang berkaitan;

- (d) mempunyai kepakaran atau ilmu yang mantap serta kerangka pendekatan teori dan konsep yang mencukupi dan terkini dalam bidang yang diselia;
- (e) memberikan tunjuk ajar dan sokongan akademik yang relevan dan mencukupi kepada pelajar dalam tempoh penyeliaannya; dan
- (f) melakukan interaksi dan perbincangan yang berterusan dengan pelajar serta mengemaskini rekod pencapaian dan kemajuan pelajar di bawah seliaannya.

4.3 Penyelidikan

Penyelidikan adalah aktiviti bersistematik yang digunapakai dalam menyelesaikan masalah yang akan menyumbang kepada penemuan ilmu pengetahuan, kemajuan manusia serta pembangunan negaraⁱⁱ.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab penyelidikan ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) mematuhi garis panduan penyelidikan yang ditetapkan oleh UMT sebagaimana yang diperuntukkan dalam buku Garis Panduan Etika Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, UMT;
- (b) menjalankan aktiviti penyelidikan dalam pengkhususan dan kepakarannya;
- (c) jika perlu dan bersesuaian, menjalankan kerjasama penyelidikan dengan pakar atau agensi yang diiktiraf dari dalam dan luar negara;
- (d) memberikan pengiktirafan yang sewajarnya terhadap sumbangan atau peranan pihak lain dalam penyelidikan yang dijalankan, sama ada dari segi idea, kerja atau bahan;
- (e) menjaga kerahsiaan maklumat penyelidikan, kepentingan dan harta intelek UMT dari semasa ke semasa;
- (f) tidak menandatangani sebarang perjanjian kerjasama penyelidikan atau memberi apa-apa janji sama ada lisan atau bertulis dengan pihak luar tanpa persetujuan atau kelulusan Dekan Pusat Pengajian atau Pengarah Institut atau Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (g) menggunakan peruntukan kewangan, sumber atau kemudahan lain yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan yang dijalankan secara jujur, cekap dan amanah, wajar dan berhemah;

- (h) jujur dalam mengemukakan data kajian serta tidak menyelewengkan fakta; dan
- (i) berusaha menghasilkan dapatan penyelidikan yang boleh diandalkan dan berimpak tinggi.

4.4 Penulisan dan Penerbitan

Hasil pemikiran dan penyelidikan yang diterjemahkan dalam karya penulisan dan penerbitan adalah sangat penting dalam proses penyebaran dan kemajuan ilmu. Penulisan dan penerbitan menjadi penanda aras sumbangan inovasi ilmu oleh ahli akademik ke arah pengembangan idea dan penerokaan ilmu baharu. Ianya juga merupakan tradisi kesarjanaan yang akan disebar luas dan terbuka untuk kajian, ulasan dan kritikan pihak lain lantas membuka ruang ilmu yang lebih pesat dan mencabar.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab penulisan dan penerbitan ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) berusaha untuk menghasilkan penulisan dan penerbitan yang berkualiti dan dalam masa yang sama mematuhi undang-undang hak cipta;
- (b) menghormati integriti dan etika kesarjanaan dengan tidak melakukan plagiarisme;
- (c) menghasilkan karya asli yang berasaskan kepada kepakaran, kajian, penyelidikan dan pengalaman secara sendiri atau berkumpulan;
- (j) memberi pengiktirafan yang sewajarnya terhadap sumbangan atau peranan pihak lain dalam karya yang dihasilkan;
- (d) mematuhi garis panduan dan tatacara penulisan yang ditetapkan; dan
- (e) memastikan penulisan dan penerbitan tidak mengandungi apa-apa elemen yang berlawanan dengan kepentingan negara dan sensitiviti masyarakat yang boleh mengancam kestabilan politik dan sosial negara.

4.5 Perundingan

Perundingan merupakan salah satu elemen penting dalam program pemindahan ilmu dan perkongsian ilmu dan kepakaran yang digariskan dalam pelan strategik UMT. Kepakaran yang dimiliki oleh UMT adalah aset penting yang boleh

disalurkan untuk manfaat masyarakat umum atau organisasi awam dan swasta melalui perkhidmatan perundingan sama ada secara percuma atau berbayar.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab perundingan ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) menerima kerja perundingan yang berhubung langsung dengan kepakarannya;
- (b) menjalankan kerja perundingan dengan profesional, jujur, amanah dan cekap pada sepanjang masa;
- (c) mematuhi tempoh masa yang ditetapkan dan semua terma dan syarat lain perjanjian perundingan yang ditandatangani;
- (d) menjaga kepentingan dan imej UMT pada sepanjang masa kerja-kerja perundingan dijalankan; dan
- (e) memastikan kerja perundingan tidak mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan tugas lain yang ditetapkan oleh UMT.

4.6 Pengkomersialan dan Harta Intelek

Sejajar dengan pelaksanaan autonomi di UMT, aktiviti pengkomersialan dan pengurusan harta intelek yang cekap sangat penting untuk menjana pendapatan tambahan kepada UMT. Pengkomersialan bermaksud pemakaian, penerbitan, pembangunan, penggunaan, penyerahan hak, perlesenan, sub-perlesenan, francais, eksploitasi, jualan atau penggunaan lain harta intelek bagi maksud menjana kewangan atau faedah lainⁱⁱⁱ.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab pengkomersialan dan harta intelek ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) mendapatkan kelulusan untuk menjalankan pengkomersialan daripada jabatan atau pihak berkuasa yang berkenaan;
- (b) memastikan inovasi atau ciptaan yang dikomersialkan tersebut dilindungi di bawah undang-undang perlindungan harta intelek yang berkuatkuasa;
- (c) mematuhi semua peruntukan Polisi Harta Intelek UMT;
- (d) mempunyai kemampuan dari segi kelayakan dan kepakaran untuk mematuhi terma dan syarat perjanjian pengkomersialan;
- (e) mengisytiharkan apa-apa penggunaan fasiliti dan sumber milik UMT dalam aktiviti pengkomersialan tersebut;

- (f) menjaga hak, kepentingan dan nama baik UMT pada sepanjang masa; dan
- (g) melaksanakan kerja dengan profesional tanpa ada agenda peribadi yang boleh mewujudkan sebarang konflik kepentingan dengan kedudukan ahli akademik sebagai staf UMT.

4.7 Khidmat Komuniti

Peranan ahli akademik dalam khidmat komuniti adalah sangat penting dan sangat digalakkan.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab khidmat komuniti ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) memastikan aktiviti khidmat masyarakat adalah selaras dengan aspirasi UMT;
- (b) memberikan khidmat dengan jujur dan ikhlas;
- (c) menyediakan sasaran khusus bagi satu-satu khidmat komuniti yang dijalankan seperti penjanaan ekonomi, peningkatan kemahiran atau penyelesaian masalah sosial komuniti;
- (d) memastikan kerja-kerja khidmat komuniti tidak mengganggu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan tugas-tugas lain yang ditetapkan oleh UMT; dan
- (e) menjaga reputasi dan imej UMT pada sepanjang masa.

4.8 Pembangunan Pelajar

Globalisasi dan kemajuan menuntut universiti untuk memberi kelayakan dan pelbagai kemahiran baharu kepada pelajar. Mereka perlu memiliki kemahiran belajar, berfikir dan menyelesaikan masalah^{iv}. Oleh itu peranan ahli akademik sangat penting untuk membentuk dan mengembang sahsiah pelajar secara holistik.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab pembangunan pelajar ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) sentiasa menjaga hubungan yang profesional antara pendidik dan pelajar tanpa mengenyahkan nilai-nilai kemanusiaan seperti simpati, empati, mengambil berat, mesra dan sebagainya;

- (b) menjauhi amalan pergaulan yang bercanggah dengan nilai-nilai moral yang disepakati;
- (c) memberikan khidmat nasihat, kaunseling dan *mentoring* kepada pelajar dengan jujur dan ikhlas;
- (d) mengelakkan eksploitasi pelajar dalam aktiviti akademik dan penyelidikan untuk tujuan peribadi tanpa memohon kebenaran atau memberi penghargaan yang sewajarnya;
- (e) berlaku adil dalam membuat keputusan, penilaian dan pemberian markah kepada pelajar; dan
- (f) memupuk integriti, akauntabiliti dan kejujuran dalam aktiviti akademik dan bukan akademik pelajar.

4.9 Pengurusan

Ahli akademik juga mempunyai peranan dalam mengurus dan mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan Pusat Tanggungjawab /Program/Jabatan. Pentadbiran ini meliputi aspek pengurusan perancangan akademik, pengurusan sumber manusia, kewangan dan juga fasiliti. Ahli akademik juga perlu menjalankan tugas yang diberikan dengan bertanggungjawab, amanah, adil dan telus.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab pengurusan ahli akademik, antara lain hendaklah:

- (a) memahami dan mematuhi semua undang-undang, kaedah, peraturan, polisi dan garis panduan yang berkuatkuasa di UMT;
- (b) menyokong usaha-usaha pihak pengurusan UMT untuk mencapai visi dan misi UMT;
- (c) merancang aktiviti mengikut pelan strategik UMT dan berasaskan kepada prinsip pengurusan yang cekap;
- (d) memupuk budaya kerja keserakanan dan muafakat; dan
- (e) sentiasa aktif dan proaktif terhadap perubahan dan budaya pengurusan yang dinamik.

5.0 PEMATUHAN ETIKA

Kod Etika ini hendaklah dipatuhi oleh semua ahli akademik. Pada sepanjang masa ahli akademik bertanggungjawab untuk mendokong integriti profesion mereka dan tidak melakukan apa-apa perkara yang bertentangan dengan etika dan prinsip nilai yang dinyatakan di dalam Kod Etika Ahli Akademik UMT.

5.1 Ketidakpatuhan Etika dalam Pengajaran

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan (*omission*) berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam pengajaran:

- (a) cuai atau gagal menyempurnakan silibus pengajaran atau program akademik yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah;
- (b) membuat penilaian yang tidak adil dan berat sebelah terhadap mana-mana kerja kursus atau tugas akademik pelajar atau tidak mematuhi peraturan dan kriteria penilaian akademik yang telah ditetapkan;
- (c) melanggar etika kerahsiaan maklumat dengan membocorkan soalan peperiksaan kepada pelajar sama ada secara sengaja atau tidak;
- (d) tidak mematuhi peraturan dan tempoh masa yang berkaitan dengan apa-apa aktiviti berkaitan peperiksaan dan penilaian seperti penyediaan soalan peperiksaan, pemeriksaan kertas peperiksaan, skema jawapan, pengisian maklumat pemarkahan, penilaian tesis dan sebagainya;
- (e) membuat keputusan mengenai hal ehwal akademik pelajar tanpa mematuhi kaedah, peraturan, polisi atau garis panduan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;
- (f) menggunakan platform akademik untuk membuat apa-apa pernyataan yang bersifat menghasut atau berkecenderungan untuk menimbulkan perasaan jahat atau permusuhan di kalangan pelajar, pekerja atau mana-mana orang atau mengganggu keharmonian dan kestabilan UMT, orang awam atau negara; dan
- (g) melanggar apa-apa peraturan dan arahan lain berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran yang dikeluarkan oleh UMT dari semasa ke semasa.

5.2 Ketidakpatuhan Etika dalam Penyeliaan

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam penyeliaan:

- (a) menjalankan tugas penyeliaan sambil lewa sehingga menyukarkan pelajar atau menyebabkan pelajar tidak mendapat bimbingan dan tunjuk ajar yang sewajarnya;
- (b) gagal hadir ke tempat pelajar menjalankan latihan industri atau praktikum seperti yang telah dipersetujui;
- (c) melambat-lambatkan pemeriksaan tesis atau kerja kursus pelajar tanpa alasan yang munasabah;
- (d) mengamalkan sikap pilih kasih dan tidak adil terhadap pelajar;
- (e) menyelia dalam bidang yang bukan kepakaran;
- (f) menyembunyikan maklumat yang sebenar; dan
- (g) melanggar apa-apa peraturan dan arahan lain berkaitan dengan penyeliaan yang dikeluarkan oleh UMT dari semasa ke semasa.

5.3 Ketidakpatuhan Etika dalam Penyelidikan

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam penyelidikan:

- (a) menjalankan penyelidikan tanpa mematuhi prosedur, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Etika Penyelidikan atau apa-apa syarat lain yang ditentukan dalam perjanjian yang masuki oleh UMT berkenaan dengan penyelidikan tersebut;
- (b) memasukkan namanya atau sengaja membenarkan namanya dimasukkan ke dalam senarai anggota penyelidik padahal dia tidak terlibat langsung dalam penyelidikan tersebut;
- (c) mendakwa sebagai penyelidik tunggal dalam projek penyelidikan yang sebenarnya dikendalikan bersama dengan rakan penyelidik atau dengan kakitangan bawahannya;
- (d) menjalankan penyelidikan yang bertentangan dengan peraturan Universiti dan undang-undang Negara;
- (e) membuat pendokumentasian yang tidak betul, misalnya memetik kata-kata atau pendapat orang lain (lisan atau tulisan) tanpa menyebut sumbernya atau membuat petikan yang mengelirukan;

- (f) memutarbelitkan atau memalsukan data untuk tujuan seperti menyokong teori atau penemuan tertentu yang disenanginya;
- (g) melakukan penipuan geran penyelidikan atau apa juga sumber kewangan penyelidikan;
- (h) menyalahgunakan geran/hadiah/bantuan kewangan/peruntukan penyelidikan atau peralatan yang diterimanya;
- (i) tidak memberikan laporan kemajuan/akhir mengikut jadual yang telah ditetapkan; dan
- (j) Melanggar apa-apa peraturan dan arahan lain berkaitan dengan penyelidikan yang dikeluarkan oleh UMT dari semasa ke semasa.

5.4 Ketidakpatuhan Etika dalam Penulisan dan Penerbitan

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam penulisan dan penerbitan:

- (a) melakukan plagiat iaitu dengan mengambil idea, penulisan, pandangan, pemikiran, data, rekabentuk orang lain dan mendakwa ianya adalah hasil idea, penulisan, pandangan, pemikiran, data, rekabentuknya sendiri;
- (b) menerbitkan tulisan dalam bentuk rencana, makalah, kertas ilmiah atau buku yang seluruhnya atau sebahagian besarnya ditulis oleh orang lain atas nama sendiri sebagai pengarang;
- (c) menerbitkan tulisan dalam bentuk rencana, makalah, kertas ilmiah atau buku yang dikarang bersama dengan orang lain, atas nama sendiri sebagai pengarang tunggal;
- (d) memetik fakta dan data dalam penulisannya tanpa memberikan rujukan dan pengiktirafan kepada sumber asal;
- (k) menggunakan data atau hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar di bawah seliaannya dan menuntut hak milik terhadap data dan hasil penyelidikan tersebut di dalam penulisannya;
- (l) menggunakan data atau hasil penyelidikan yang dijalankan didapati menerusi kerja usaha sama tanpa mendapat persetujuan rakan-rakan penyelidikannya;
- (m) menterjemah penulisan atau karya mana-mana pihak, secara keseluruhan atau sebahagian, tanpa kebenaran daripada penulis asal atau penerbitnya; dan

- (n) melanggar apa-apa peraturan dan arahan lain berkaitan dengan penulisan dan penyelidikan yang dikeluarkan oleh UMT dari semasa ke semasa.

5.5 Ketidakpatuhan Etika dalam Perundingan

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam perundingan:

- (a) menjalankan kerja-kerja perundingan tanpa kebenaran UMT;
- (b) memberi tumpuan yang melampau kepada perundingan sehingga menjejaskan tugas rasmi sebagai pensyarah;
- (c) menjalankan aktiviti perundingan yang bercanggah dengan peraturan UMT dan menyalahi undang-undang Negara;
- (d) menggunakan nama UMT bagi mendapatkan kebenaran perundingan tetapi untuk perolehan peribadi;
- (e) memburukkan nama UMT atau mana-mana pegawai atau bahagian di UMT semasa menjalankan perundingan; dan
- (f) melanggar apa-apa peraturan dan arahan lain berkaitan dengan perundingan yang dikeluarkan oleh UMT dari semasa ke semasa.

5.6 Ketidakpatuhan Etika dalam Pengkomersialan dan Harta Intelekt

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam pengkomersialan dan harta intelek:

- (a) menjalankan perundingan pengkomersialan tanpa kebenaran UMT;
- (b) mengganggu proses mendapatkan atau mendaftar harta intelek bagi menjaga kepentingan UMT;
- (c) mengabaikan hak UMT dengan mementingkan diri sendiri;
- (d) sengaja menimbulkan konflik dalam urusan pengkomersialan dengan menjadi ahli lembaga pengarah atau membeli saham syarikat yang terlibat dengan pengkomersialan tersebut;
- (e) melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan reputasi dan imej UMT seperti tidak bertanggungjawab, tidak menepati janji atau menawarkan pengkomersialan inovasi yang belum diuji keberkesanannya;
- (f) menjalankan aktiviti pengkomersialan sehingga mengabaikan tugas hakiki sebagai pensyarah;

5.7 Ketidakpatuhan Etika dalam Khidmat Komuniti

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam khidmat komuniti:

- (a) tidak memaklumkan atau mendapatkan kelulusan PTJ dalam penglibatan aktiviti yang dijalankan;
- (b) memberi tumpuan yang melampau kepada keterlibatan masyarakat sehingga boleh menjejaskan tugas hakiki;
- (c) menjalankan aktiviti yang bercanggah dengan peraturan universiti atau undang-undang Negara;
- (d) menggunakan nama UMT bagi mendapatkan kebenaran menjalankan aktiviti khidmat komuniti tetapi untuk kepentingan peribadi;
- (e) memburukkan nama baik UMT, bahagian di Universiti, mana-mana pegawai atau luar universiti semasa menjalankan aktiviti khidmat komuniti;
- (f) menjejaskan nama baik Negara atau agensi kerajaan atau mana-mana pegawai berkaitan semasa dalam menjalankan khidmat masyarakat;
- (g) melanggar etika kerja profesional dalam menjalankan aktiviti khidmat komuniti;

5.8 Ketidakpatuhan Etika dalam Pembangunan Pelajar

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam pembangunan pelajar:

- (a) menjalin hubungan yang tidak profesional dengan pelajar sehingga boleh menimbulkan konflik kepentingan;
- (b) melakukan apa-apa perkara dengan pelajar yang melanggar batas agama atau norma dan tatasusila masyarakat yang boleh merendahkan kredibiliti ahli akademik dan integriti UMT;
- (c) menggunakan kedudukannya sebagai ahli akademik untuk mendapat manfaat peribadi;

5.9 Ketidakpatuhan Etika dalam Pengurusan

Ahli akademik yang melakukan mana-mana perbuatan atau tinggalkan berikut dianggap telah melakukan ketidakpatuhan etika dalam pengurusan:

- (a) tidak melaksanakan peranan dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan bagi jawatan pentadbiran yang dilantik;
- (b) menggunakan kedudukan, status atau pengaruh sebagai ketua untuk kepentingan peribadi, keluarga atau kenalan;
- (c) bersikap dan bertindak pilih kasih dalam membuat keputusan yang menimbulkan kegelisahan dan ketidakpuasan hati ahli atau pihak lain;
- (d) menyekat peluang ahli lain untuk kenaikan gaji atau pangkat menerusi cara yang mencurigakan atau pengaruhnya sebagai pentadbir akademik;
- (e) tidak membuat keputusan secara telus dan adil dalam menangani sesuatu krisis;

6.0 AKIBAT KETIDAKPATUHAN

Mana-mana ahli akademik yang melanggar etika yang dinyatakan di dalam Kod Etika Ahli Akademik dianggap telah melakukan suatu kesalahan tatatertib dan boleh diambil tindakan di bawah Peraturan Tatatertib Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 atau mana-mana peraturan lain yang berkuatkuasa di UMT dari semasa ke semasa.

7.0 PENGUATKUASAAN

- 7.1 Kod Etika ini berkuatkuasa dari tarikh 3 April 2016.
- 7.2 Kod Etika ini tidak membatalkan mana-mana kaedah, peraturan, garis panduan dan arahan yang telah dikeluarkan oleh UMT sebelum Kod Etika ini berkuatkuasa.
- 7.3 Kod Etika ini hendaklah dibaca dan dilaksanakan secara bersesama dengan kaedah, peraturan, garis panduan dan arahan UMT sedia ada. Apa-apa percanggahan dalam mana-mana peruntukan Kod Etika ini dengan mana-mana peruntukan kaedah, peraturan, garis panduan dan arahan UMT sedia ada hendaklah dirujuk kepada Mesyuarat Pengurusan Universiti untuk penentuan pemakaiannya.
-